

BAB 7

KESIMPULAN

Pada tahun 1966, Chen Ruoxi bersama suaminya, Duan Shiyao, seorang engineer hidraulik berkelulusan Ph.D. dari Amerika Syarikat, kembali ke China demi mengejar impian mereka, iaitu mereka bercita-cita untuk menyumbangkan pengetahuan masing-masing supaya membantu China menubuhkan suatu masyarakat idaman di bawah Sosialisme. Malangnya ketika itu, Revolusi Kebudayaan (1966-1976) tercetus di China. Akibatnya, dalam tempoh masa tujuh tahun, iaitu 1966-1973, mereka bukan sahaja mengalami kesengsaraan jasmaniah dan rohaniah, malahan, impian mereka yang mulia termusnah sama sekali. Akhirnya, bersama dua orang anak mereka yang dilahirkan di China, Chen Ruoxi sekeluarga meninggalkan China pada 1973.

Seperti diterangkan dalam Bab Kedua, Revolusi Kebudayaan China yang berlarutan 10 tahun itu bukan sahaja merupakan satu tragedi negara China bahkan juga suatu malapetaka bagi insan manusia. Secara ringkasnya, dalam tempoh selama 10 tahun itu, keadaan seluruh China kucar-kacir: perjuangan kelas tidak pernah berhenti-henti; pergolakan politik dan persaingan untuk

nerebut kuasa berterusan; kezaliman dan pembunuhan berlaku di merata-rata tempat; rakyat sepanjang masa hidup dalam kesengsaraan; hubungan antara manusia menjadi renggang kerana saling curiga-mencurigai dan masing-masing menjaga kepentingan diri sendiri. Akibatnya, berjuta-juta nyawa terkorban, dan harta negara serta warisan pusaka kebudayaan tradisional China termusnah.

Antara golongan yang diseksa semasa Revolusi Kebudayaan, para intelek, sama ada yang kembali dari negara luar, ataupun tempatan, mendapat pukulan yang terhebat. Sehubungan ini, Chen Ruoxi sebagai cendekiawan kembali dari Amerika Syarikat yang dianggap berfikiran Kapitalisme, tidak terkecuali ditimpa kemalangan. Bagi Chen Ruoxi, seorang penulis yang peka terhadap peristiwa kesekitaran, pengalaman pahit selama tujuh tahun di China memang merupakan suatu perkara yang tidak dapat dilupakan begitu sahaja. Justeru itu, sungguhpun beliau telah meninggalkan China, apabila teringat mereka yang masih hidup dalam kesengsaraan di China, perasaan kasihan serta ingatan pahit sendiri telah mendorongkan beliau membuat sesuatu. Akibatnya, muncullah satu demi satu, cerpen yang berlatar

belakangkan Revolusi Kebudayaan. Kesemuanya enam cerpen yang berputarkan Revolusi Kebudayaan, iaitu “Jingjing de shengri” , “Zhiye” , “Cha hukou” , “Ren Xiulan” , “Geng'er zai Beijing” dan “Yin xianzhang” dikumpulkan menjadi koleksi di bawah tajuk *Yin xianzhang*.

Boleh dikatakan bahawa Chen Ruoxi telah menggunakan seluruh jiwa raganya untuk menghasilkan *Yin xianzhang* yang bukan semata-mata imaginasi atau cerita rekaan penulis sahaja tetapi kesemua ceritanya berdasarkan kisah benar yang disaksikan oleh penulis sendiri. Sewajarnya, Chen Ruoxi digelar sebagai pelopor “Sastera yang Mendukakan” dan *Yin xianzhang* boleh dianggap sebagai bahan rujukan pertama tentang Revolusi Kebudayaan.

Justeru itu, secara keseluruhannya, dunia fiksyen *Yin xianzhang*, sebagaimana yang digambarkan dalam keenam-enam cerpen dalamnya, begitu muram dan menghampakan sekali. Kehidupan yang muram yang dialami oleh watak-watak dari pelbagai kelas sosial sebagaimana yang dipersembahkan dalam Bab Ketiga, Keempat dan Kelima disertasi ini merupakan

gambaran keadaan sebenar di bawah pemerintahan totalitarian Parti Komunis China yang mengekang semasa Revolusi Kebudayaan. Demi tujuan memahami secara mendalam dan juga mendapat gambaran yang lebih jelas tentang dunia dalaman dan lahiriah watak-watak tersebut, perbincangan terperinci dilakukan dalam Bab Ketiga, Keempat dan Kelima masing-masing.

Secara rumusan, dalam Bab Ketiga, Geng'er dan Liu Xiangdong kehancuran impian, manakala dalam Bab Keempat, Mayor Yin dan Ren Xiulan telah menjadi mangsa politik zalim. Dalam Bab Kelima pula, kedua-dua suami isteri Leng Zixuan dan Peng Yulian telah kehilangan maruah dan perikemanusiaan. Cengkaman politik Parti Komunis China begitu meluas sehingga kanak-kanak berusia tiga atau tujuh tahun yang tidak bersalah seperti Jingjing, Dongdong dan Shi Hong pun tidak terlepas daripada penyeksaan politik zalim.

Gambaran tersebut di atas dilakukan oleh Chen Ruoxi melalui bentuk penulisan sindiran. Semasa menceritakan, sungguhpun Chen Ruoxi benar-benar mengalami sekali lagi segala kepahitan yang dirasai sendiri dahulu, beliau sanggup menahan

rasa kepiluan dan berjaya mengelakkan sifat sentimental. Sebaliknya, beliau mencerita dari sudut pandangan objektif, seolah-olah dirinya tidak kena-mengena apa yang diceritanya. Selain itu, sebagaimana yang dibincangkan dalam Bab Keenam, Chen Ruoxi juga menggunakan teknik penulisan seperti perbandingan imej watak, bahasa kiasan, gaya hiperbolik dan objek alam sekitar yang bersimbolik dalam penceritaannya yang sudah pasti bermotivasi.

Apakah tujuan yang Chen Ruoxi ingin mencapai? Ataupun apakah mesej yang beliau ingin menyampaikan melalui *Yin xianzhang*? Jawabannya mungkin boleh dicuba di sini. Pertamanya, sebagai seorang saksi kedahsyatan Revolusi Kebudayaan, beliau ingin berkongsi dengan pembaca tentang pengalaman pahit seluruh rakyat China semasa Revolusi Kebudayaan yang merupakan satu malapetaka bukan sahaja kepada China bahkan kepada insan manusia.

Keduanya, memandangkan kebongkaran secara meluas tentang kezaliman pemerintahan Parti Komunis China dalam *Yin xianzhang*, para pembaca mungkin bertanggapan bahawa Chen

Ruoxi seorang Anti-Komunis, dan seterusnya Anti-China. Sebagai respons terhadap tuduhan bahawa beliau Anti-China, Chen Ruoxi membela diri dengan mengatakan:

“Saya bukannya sangat menghargai sistem Komunis yang diamalkan sebelum tahun 70-an, tetapi masih menyanjungi sesetengah cita-cita unggul Sosialisme. Semangat Nasionalisme yang dipupuk di sanubari saya sejak kecil lagi tidak mengizinkan saya menjadi musuh kepada tanah airku.” (Gu 1988:219)

Memang benar Chen Ruoxi secara keras-kerasnya memburuk-burukkan Parti Komunis China dalam *Yin xianzhang*, namun ini tidak semestinya bermakna beliau Anti-China. Sebenarnya, sebagai seorang yang mengidentifikasikan dengan bangsa Cina yang bersemangat Nasionalisme China, Chen Ruoxi memang cintakan budaya, bangsa dan negara China. Beliau masih mengharapkan rakyat negara China dapat menikmati kebebasan dan pemerintahan bercorak demokrasi. Beliau berharap bahawa selepas mengalami detik-detik yang menderitakan, generasi baru negara China akan menjadi lebih matang dan mantap dalam usaha melahirkan sebuah negara baru

yang mengamalkan demokrasi.

Ketiganya, seperti yang dikatakan oleh Simon Leys (1978:60):¹

Karya Chen Ruoxi mungkin terdapat niat dan motif, tetapi ia cuma berkaitan dengan sastera, bukannya berkaitan dengan politik.

Kata-kata ini agak adil dan saksama tentang niat sebenar penghasilan karya *Yin xianzhang*.

Sememangnya, *Yin xianzhang* adalah fiksyen dan bukan rekod sejarah atau propaganda politik. Justeru itu, penilaian terhadap koleksi fiksyen ini harus berdasarkan kritiria sastera atau artistik. Sehubungan ini, saya ingin meminjam kata Profesor C.T. Hsia (1976:7) apabila beliau memberi pandangan terhadap kejayaan *Yin xianzhang* dan seterusnya kedudukan Chen Ruoxi

¹ Simon Leys adalah orang Belgium. Nama asalnya Pierre Ryckmans. Beliau merupakan seorang pakar ulasan buku yang terkenal di Amerika Syarikat. Beliau pernah melanjutkan pelajarannya di Taiwan, oleh itu, beliau juga pakar dalam bahasa Cina.

sebagai seorang cerpenis dalam kesusasteraan Cina kontemporari:

Hanya dengan enam buah cerpen sahaja, Chen Ruoxi mempunyai kedudukan yang istimewa dalam arena kesusasteraan kontemporari. Namun, harapan kami terhadapnya bukan sekadar ini sahaja; kami berharap agar karya fiksyennya masih mendapat kedudukan tersendiri setelah kezaliman Parti Komunis China menjadi sejarah.

Komen dan harapan Profesor Hsia diucapkan pada 1976 apabila *Yin xianzhang* diterbitkan. Setakat kini, selama 24 tahun telah berlalu. Memang Revolusi Kebudayaan telah menjadi sejarah, namun, *Yin xianzhang* masih tetap digemari dan disanjung sehingga hari ini. Ini telah dibuktikan apabila *Yin xianzhang* berjaya mendapat kedudukan ke-89 dalam senarai “100 Karya Agung Fiksyen Cina dalam Kurun Ke-20” , anjuran *Yazhou zhoukan* 亚洲周刊 (Asiaweekly).²

²Senarai “100 Karya Agung Fiksyen Cina dalam Kurun Ke-20” ini dipilih oleh para pembaca seluruh dunia dan keputusannya diumumkan dalam *Yazhou zhoukan* bertarikh dari 14-20, Jun 1999, 32-45.